



GAMBAR HIASAN

WIRA BANGSA: Tunku Abdul Rahman Putra ketika berucap di Padang Maziah, Kuala Terengganu beberapa bulan selepas merdeka..

Dapat inspirasi selepas jumpa Tunku

BH 07/07/07 M/S 11
Mahmood semangat majukan murid selepas dengar ucapan Perdana Menteri pertama



50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Nazura Ngah

EMPAT tahun sebelum negara mencapai kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sudah membayangkan hasrat mahu mewujudkan kerajaan sendiri bagi Tanah Melayu.

Hasrat itu diluahkan pada satu ucapan ketika bapa Kemerdekaan negara itu melakukan lawatan ke Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin (sekarang dikenali Sekolah Menengah Agama Atas Zainal Abidin) di Kuala Terengganu pada 1953.

Bekas guru, Mahmood Embong, 75, berkata itu adalah antara inti pati ucapan Tunku di hadapan 350 pelajar sekolah berkenaan sambil menasihatkan mereka mendalam ilmu pengetahuan bagi membolehkan bangsa Melayu tidak selama-lamanya dijajah bangsa asing.

Ucapan Perdana Menteri pertama itu yang menyuarakan hasrat Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri, sekali gus menuntut kemerdekaan, masih segar dalam ingatan Mahmood, yang ketika itu baru berusia 21 tahun.

“Tunku juga menyebut hasrat mewujudkan

kerajaan sendiri bukan bermakna mahu menderhaka pada kerajaan Orang Putih. Sebaliknya, Tunku Abdul Rahman menyifatkan hasrat itu seperti seorang anak dewasa yang mahu membina hidup sendiri.

“Untuk memastikan penduduk Tanah Melayu mampu menjadi pemerintah di tanah air sendiri, Tunku menasihati pelajar menguasai ilmu pengetahuan. Betapa jauhnya pandangan Tunku ketika itu,” katanya ketika ditemui di Kuala Terengganu baru-baru ini.

Walaupun tidak terbahit secara langsung dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, bagi Mahmood, peluang bertemu Tunku 54 tahun lalu itu, meniupkan semangat patriotik dan nasionalisme dalam dirinya.

Mahmood yang juga bekas guru agama berasal dari Kampung Padang Midin, Kuala Terengganu mengakui pertemuan singkat ketika lawatan Tunku itu mencetuskan inspirasi untuk menabur bakti pada anak bangsa.

Beliau yang dilahirkan pada 7 Ogos 1932 berkhidmat sebagai guru agama hampir di semua tujuh daerah di Terengganu selama lebih tiga dekad.

Kehadiran julung kali Tunku Abdul Rahman di Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin turut memberi semangat dan inspirasi kepada beberapa pelajar yang nama mereka kini tercatat dalam lipatan sejarah politik negara.

Antaranya Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, Datuk Alias Ali, Datuk Saidi Ismail, Datin Wan Asiah Ahmad dan Allahyarham Husin Sulaiman yang kembali ke rahmatullah tiga tahun lalu.

“Kepemimpinan Tunku Abdul Rahman

memberi motivasi kepada saya untuk memastikan anak bangsa menerima pendidikan sempurna bagi melahirkan generasi yang mampu menaikkan martabat agama, bangsa dan negara.

“Menyedari negara memerlukan generasi yang mampu membangun dan mengisi kemerdekaan selepas dijajah, saya begitu beriltizam memenuhi hasrat pemimpin negara dan negeri dengan menjadikan sekolah sebagai institusi terbaik menyumbang bakti,” katanya.

Berikutan lawatan Perdana Menteri pertama itu, katanya, semangat nasionalisme pelajar aliran agama yang sebelum ini di-

“*Menyedari negara memerlukan generasi yang mampu membangun dan mengisi kemerdekaan selepas dijajah, saya begitu beriltizam memenuhi hasrat pemimpin negara dan negeri dengan menjadikan sekolah sebagai institusi terbaik menyumbang bakti*”

Mahmood Embong
Bekas guru

geruni penjahat, semakin menebal.

Malah, foto lawatan Tunku ke Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin 54 tahun lalu iaitu empat tahun sebelum bendera Union Jack diturunkan, menjadi koleksi berharga Mahmood kerana foto itu dirakamkan sendiri oleh beliau dan rakannya.

Malah selepas pertemuan itu, beliau berusaha mendapatkan foto Tunku Abdul Rahman yang dijual di kedai gambar apabila pemimpin negara itu melawat Terengganu.

Katanya, menemui Tunku ketika itu adalah kenangan manis dan bersejarah hinggalah peristiwa berkenaan, meskipun lebih separuh abad sudah berlalu, masih segar dalam ingatannya dan sering diceritakan kepada anak cucu.

Pada sebelah petang hari yang sama ketika lawatan itu, Tunku Abdul Rahman dan pemimpin lain menghadiri rapat umum di Paya Bunga, Kuala Terengganu sebelum kembali ke Kuala Lumpur.

Inspirasi daripada lawatan itu juga menyebabkan Mahmood menerima tawaran untuk mengetuai Umno Cawangan Padang Midin selama 20 tahun sehingga Umno diharamkan pada 1988. Beliau kini menjadi ahli Umno seumur hidup dan sentiasa menghulurkan bantuan jika diperlukan.

Malah, kata beliau, rumahnya sentiasa menjadi markas pergerakan terutama musim pilihan raya.

“Saya tidak pernah menjadikan jawatan sebagai ketua Umno cawangan untuk mendapat habuan atau ganjaran daripada parti, sebaliknya mengangap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai ibadat.

“Selagi terdaya, saya akan terus berbakti dan menyokong perjuangan Umno memar-

PROFIL

Mahmood Embong

- Tarikh lahir: 7 Ogos 1932.
- Asal: Kampung Padang Midin, Kuala Terengganu.
- Pendidikan: Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin (Ogos 1950-November 1953).
- Jawatan: Guru agama (1955-1987) - Penterjemah buku bahasa Arab ke bahasa Melayu di bahagian penerbitan Yayasan Islam Terengganu (1989-1998).
- Anak: Muslimah, 49, guru Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Muhammad Adli, 48, pegawai kerajaan, Muhammad Farid, 43, pegawai syarikat swasta, Muhammad Najib, 31, penyelia tapak pembinaan.



IMBAS KEMBALI: Mahmood menyimpan banyak koleksi gambar Tunku Abdul Rahman khususnya ketika melawat Terengganu.

tabatkan maruah agama, bangsa dan negara kerana saya yakin Umno adalah satu-satunya parti yang mampu menjadi wadah perjuangan anak bangsa membela negara," katanya yang juga antara pengasas Perseatuan Sasterawan Terengganu (Pelita) yang ditubuhkan pada 1966.

Mahmood yang pernah memegang jawatan sebagai Ketua Satu Pelita selama beberapa bulan juga adalah bekas Imam Masjid Padang Midin selama 24 tahun bermula 1982 sehingga kematian isterinya, Maimun Hassan 1 April tahun lalu.

Beliau yang bertugas sebagai guru agama selama 32 tahun bermula 1955 di Kuala Kemaman juga adalah penterjemah bahasa Arab dan dikenali dengan nama pena Nusrat yang tidak asing di kalangan peminat sastera tanah air sekitar tahun 60-an.

Mahmood mula menulis dan menterjemah pada 1953 di majalah hiburan terbitan Royal Press Singapura dengan menyumbangkan karya hasil terjemahan bahasa Arab.

Berkelulusan kelas tertinggi Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin, Sekolah Grammer (Inggeris) dan Latihan Perguruan di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur, Mahmood menghasilkan terjemahan lebih 20 cerpen dari bahasa Arab dan berpuluh-puluh buku lain karangan pengarang terkenal Mesir.